

KERTAS 3**Masa: 3 jam**

Kertas soalan ini mengandungi satu **Tugasan Spesifik**. Anda hendaklah menjawab berdasarkan kerangka jawapan yang disediakan.

TUGASAN SPESIFIK

Selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963, jentera pentadbiran kerajaan Malaysia telah diperkemas berasaskan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen.

Bincangkan tentang demokrasi di Malaysia dan kepentingannya.

Aspek	Perincian	Markah
Pengenalan	1. Maksud demokrasi berparlimen.	5 markah
Isi dan Huraian	2. Ciri-ciri demokrasi berparlimen yang diamalkan di Malaysia. 3. Peranan badan-badan pemerintah dalam sistem pemerintahan di Malaysia. 4. Kebaikan demokrasi dan kesannya terhadap rakyat Malaysia. 5. Peranan warga Malaysia untuk menggunakan demokrasi dengan sebaik mungkin. 6. Terdapat pihak yang mempertikaikan amalan demokrasi di Malaysia. (a) Mengapakah keadaan tersebut berlaku? (b) Berikan cadangan anda untuk menghapuskan persepsi negatif tersebut.	30 markah 15 markah 10 markah 10 markah 10 markah
	7. Huru-hara berlaku di banyak negara yang mengamalkan sistem demokrasi kini. (a) Mengapakah huru-hara tersebut berlaku? (b) Bagaimanakah huru-hara tersebut dapat diselesaikan?	10 markah
	8. Iktibar yang diperoleh berdasarkan tajuk yang dikaji.	5 markah
Kesimpulan	9. Membuat kesimpulan keseluruhan isi yang telah dibincangkan: (a) Pengetahuan yang diperoleh. (b) Nilai/ unsur patriotisme berdasarkan tajuk. (c) Harapan menjadikan bangsa dan negara Malaysia cemerlang dan terbilang.	5 markah